

**TERMA DAN SYARAT**  
**KEMPEN myPTPTN KLIK KLIK DO IT!**

1. **Kempen myPTPTN Klik Klik Do It!** ialah salah satu inisiatif oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menggalakkan pengguna myPTPTN menggunakan myPTPTN sebagai platform utama untuk melakukan transaksi bayaran balik pinjaman.
2. Melalui bayaran balik pinjaman, PTPTN menawarkan ganjaran PT Points sebagai nilai tambah yang membolehkan pengguna myPTPTN mengumpul mata ganjaran PT Points melalui transaksi yang dilakukan.

**TEMPOH KEMPEN**

3. Tempoh kempen bermula pada **1 Mei 2026 sehingga 31 Julai 2026** dan berdasarkan konsep *“first come, first serve”* dalam tempoh Kempen, tertakluk kepada baki PT Points yang diperuntukkan. Kempen ini akan ditamatkan sekiranya peruntukan PT Points telah dihabiskan lebih awal daripada tempoh Kempen.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh Kempen ini sekiranya perlu dengan memberi notis yang munasabah tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut. Pemberitahuan boleh dibuat melalui laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

**KELAYAKAN**

5. Terbuka kepada pengguna myPTPTN.

**CARA PENYERTAAN**

6. Pelanggan hendaklah memuat turun myPTPTN dan mendaftar sebagai pengguna myPTPTN.
7. Pengguna perlu membuat minimum bayaran balik pinjaman PTPTN melalui myPTPTN untuk mendapatkan mata ganjaran PT Points seperti berikut:

<b>Produk</b>	<b>Minimum Bayaran Balik (RM)</b>	<b>Mata Ganjaran PT Points*</b>
Bayaran Balik Pinjaman PTPTN	RM1,000	500 mata ganjaran

*\*Tertakluk kepada tempoh kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu*

8. Pengguna berpeluang untuk mendapatkan mata ganjaran PT Points untuk setiap gandaan transaksi bernilai RM1,000, tertakluk kepada tempoh Kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu.

9. Ganjaran yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.

#### **PEMBERIAN MATA GANJARAN PT POINTS**

10. Had maksimum harian bagi pemberian mata ganjaran PT Points bagi setiap pengguna adalah sebanyak 2,000 PT Points.
11. Pengguna hendaklah melakukan transaksi mengikut terma & syarat semasa tempoh Kempen dan tertakluk kepada maksimum mata ganjaran PT Points yang diperuntukkan (yang mana lebih terdahulu).

#### **PENEBUSAN MATA GANJARAN PT POINTS**

12. Mata ganjaran PT Points hanya boleh ditukar kepada nilai wang bagi produk PTPTN sahaja sama ada untuk bayaran balik pinjaman dan/ atau deposit di Simpan SSPN Prime dan/ atau deposit di Simpan SSPN Plus.
13. Penebusan hanya dibenarkan apabila jumlah mata ganjaran terkumpul mencapai had minimum 2,000 PT Points.

#### **PERUNTUKAN UMUM**

14. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, pengguna myPTPTN mestilah memenuhi kriteria kelayakan dan mematuhi mekanisme Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, pengguna myPTPTN tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk menyertai Kempen ini.
15. Penyertaan pengguna myPTPTN di dalam Kempen ini adalah atas risiko sendiri pengguna sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan yang timbul daripada penyertaan tersebut.
16. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat Kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut akan mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen tidak akan memberi hak kepada mana-mana pengguna myPTPTN untuk menuntut pampasan terhadap sebarang kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung sama ada secara langsung atau tidak langsung.
17. Pengguna myPTPTN adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang rasmi PTPTN dari semasa ke semasa bagi menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.

18. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau tersalah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
19. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pengguna myPTPTN tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
20. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung Kempen ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
21. Sekiranya terdapat percanggahan antara terma dan syarat di dalam dokumen ini dengan maklumat di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti atau bahan-bahan lain berkaitan dengan Kempen ini, maka terma dan syarat yang dipaparkan di dalam laman web rasmi PTPTN adalah terpakai dan dianggap muktamad. Sebarang perkara berkaitan Kempen yang tidak dinyatakan adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
22. PTPTN berhak menggunakan penyertaan pengguna myPTPTN, termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi, serta nama pengguna myPTPTN, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tanpa had di seluruh dunia, tanpa sebarang bayaran atau pampasan, dan dalam mana-mana media. Pengguna myPTPTN hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini apabila diminta oleh PTPTN.
23. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada pengguna myPTPTN.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh  
Kempen myPTPTN Klik Klik Do It!*

***Maklumat dikemaskini pada 9 April 2026***